KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21.07.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

Nasional

Khamis, 21 Julai 2022 BH

Sidang Dewan Rakyat

KeTSA cadang beri subsidi bil elektrik secara bersasar

Utamakan bahan api paling murah antara pelan atasi krisis tenaga, kos ICPT



Takiyuddin ketika sesi jawab soalan di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli akan mencadangkan kepada Jemaah Menteri mengenai pemberian subsidi bil elektrik secara bersasar untuk tempoh kitaran Pelepasan Kos-Kos Tidak Seimbang (ICPT) yang akan datang.

Menteri, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata selain itu, KeTSA merancang mengutamakan penggunaan bahan api paling murah untuk penjanaan elektrik yang juga antara pelan mitigasi jangka panjang bagi mengatasi krisis tenaga global dan kos ICPT yang dijangka meningkat.

Takiyuddin berkata, berdasarkan analisis Suruhanjaya Tenaga (ST), harga bahan api di pasaran global masih kekal tinggi berikutan impak peperangan antara Russia dan Ukraine sejak Mac lalu dan permintaan bahan api arang batu yang tinggi daripada negara luar.

"Sekarang semua sama (golongan) M40 pun (menerima rebat) dua sen setiap kilowatt jam (kWj), B40 dua sen dan T20 pun dua sen, semua menikmati rebat dua sen ini dalam bekalan elektrik negara kita.

"Tetapi masa akan datang mungkin diperlukan bersasar, mungkin T20 akan dikenakan surcaj atau ICPT ini," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Langkah lindungi rakyat

Beliau menjawab soalan Abdul Latiff Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai) mengenai langkah kementerian untuk melindungi rakyat yang berhadapan dengan krisis tenaga global sehingga menyebabkan peningkatan kos harga bahan api.

Pada 24 Jun lalu, kerajaan bersetuju untuk menampung subsidi elektrik berjumlah RM5.8 bilion bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2022 walaupun berlaku peningkatan mendadak kos bahan api di pasaran global sebagai langkah mitigasi jangka pendek berdepan krisis tenaga global.

Takiyuddin berkata, kementerian berkenaan turut menyediakan Pelan Pembangunan Penjanaan jangka masa panjang yang menetapkan hala tuju bagi perancangan pembekalan elektrik negara.

Perkara berkenaan termasuk mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api import seperti arang batu secara berperingkat, sekali gus kementerian itu menetapkan sasaran 31 peratus campuran tenaga boleh diperbaharui pada 2025 dan 40 peratus pada 2035.

Selain itu, beliau berkata, bagi menggalakkan amalan berjimat cermat dalam penggunaan tenaga elektrik, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencetak jumlah subsidi yang diberikan kerajaan pada bil elektrik pengguna bermula bulan ini.

Takiyuddin berkata, pelan mitigasi jangka panjang lain yang sedang dipertimbang pihaknya adalah mengutamakan bahan api yang paling murah untuk penjanaan elektrik.

Menjelaskan kos ICPT, Takiyuddin berkata, bagi tempoh Januari hingga Jun 2022, jumlahnya adalah RM7 bilion, bersamaan kadar surcaj 11.81 sen/kWj yang sepatutnya dilepaskan kepada pengguna bagi tempoh Julai hingga Disember 2022.

Bagaimanapun, sebagai langkah mitigasi jangka pendek bagi melindungi rakyat yang berdepan krisis tenaga global, kerajaan pada 24 Jun lalu bersetuju untuk menampung subsidi elektrik berjumlah RM5.8 bilion bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2022, walaupun berlaku peningkatan mendadak kos bahan api di pasaran global.

"Ini bermakna, 7.9 juta pengguna domestik kekal menerima rebat 2 sen/kWj dan pengguna bukan domestik kekal dikenakan surcaj 3.70 sen/kWj, berbanding kadar surcaj ICPT sebenar iaitu 11.81 sen/kWj," katanya.